

Pusat kajian Melayu ditubuhkan di Universiti of Dhaka

11 Oktober 2022 04:04pm Masa membaca: 2 minit



Pusat Pengajian Melayu dibuka di University of Dhaka (UoD), Bangladesh.

KUALA LUMPUR - Pusat Pengajian Melayu dibuka di University of Dhaka (UoD), Bangladesh.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Dhaka dalam kenyataan pada Selasa berkata, Memorandum Persefahaman bagi penubuhan pusat itu, hasil kerjasama antara Univesiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan UoD, ditandatangani pada 10 Oktober di UoD.

Majlis pemeteraian itu disaksikan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh, Haznah Md Hashim manakala Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff dan

Profesor Dr. Md. Akhtaruzzaman, Naib Canselor University of Dhaka menandatangani perjanjian itu bagi pihak universiti masing-masing.

Penubuhan Pusat Pengajian Melayu di UoD merupakan langkah penting untuk memperkukuh hubungan dua hala bersempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia dan Bangladesh,

Malaysia menikmati hubungan dua hala yang rapat dengan Bangladesh dan Malaysia merupakan negara majoriti Islam pertama mengiktiraf kemerdekaan Bangladesh pada 1971 diikuti hubungan diplomatik pada 31 Januari 1972.

"Suruhanjaya Tinggi Malaysia telah memberi dorongan kuat terhadap penubuhan Pusat Pengajian Melayu bagi memartabatkan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa melalui diplomasi budaya.

"Pusat itu juga akan mengetengahkan keunikan budaya dan tradisi Melayu yang unik selain pendidikan berkualiti tinggi Malaysia," menurut kenyataan itu.

Bahasa Melayu pernah menjadi Lingua Franca yang dipertuturkan secara meluas dalam urusan perdagangan dan diplomasi pada masa lampau.

Kini Bahasa Melayu menjadi bahasa pertuturan kira-kira 300 juta penduduk di Asia Tenggara. - Bernama